



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/4/2014

Malaysia-Turki meterai Perjanjian Perdagangan Bebas

Pengeksport nikmati manfaat

UM - 18/4/2014

Zulkifli
Jail

Melaporkan dari
ANKARA, TURKI



ANKARA 17 April - Malaysia dan Turki hari ini menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang membolehkan pengeksport Malaysia menikmati manfaat melalui penghapusan duti import untuk 68.70 peratus produk termasuk barangan elektrik dan elektronik (E&E), kimia, tekstil, dan minyak sawit.

Ia meliputi 67.8 peratus atau AS\$247.38 juta eksport Malaysia ke benua Asia-Eropah itu.

Melalui kesepakatan yang dicapai hasil pertemuan empat mata antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatnya, Recep Tayyip Erdogan, diikuti mesyuarat delegasi kedua-dua negara di sini, FTA berkenaan turut merangkumi pelupusan duti bagi produk jentera, plastik dan getah.

Dalam pemeteraian FTA Malaysia-Turki atau MTFTA itu, Malaysia diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed manakala Turki oleh Menteri Ekonominya, Nihat Zeybekci.

Mustapa berkata, menerusi MTFTA berkenaan, Turki bersetuju mengurangkan kadar duti minyak sawit pada kadar 30 peratus berbanding 31.2 peratus hingga 46.8 peratus sebelum ini.

Ini meliputi produk minyak sawit seperti minyak sawit mentah, minyak sawit diproses, minyak isirung sawit mentah dan minyak isirung sawit diproses.

Secara keseluruhannya, duti untuk semua produk tekstil akan dihapuskan sepenuhnya dalam tempoh lapan tahun di bawah MTFTA (2023).

"Melalui MTFTA ini, yang paling penting pengeksport Malaysia bukan sahaja boleh akses ke republik itu malahan boleh bersaing



NAJIB Tun Razak ditemani Recep Tayyip Erdogan (kiri) diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kanan Turki dalam satu upacara menyambut kedatangannya di Ankara, semalam. Perdana Menteri mengadakan lawatan kerja selama tiga hari ke Turki dalam usaha mengukuhkan hubungan dua hala dengan negara berkenaan.

-BERNAMA

secara kompetitif dalam pasaran Turki.

"Hasil MTFTA ini juga, kedua-dua negara akan dapat meningkatkan nilai dagang dua hala daripada AS\$1.5 bilion (RM4.9 bilion) setahun kepada AS\$5 bilion (RM16.34 bilion) dalam tempoh lima tahun," kata beliau.

Perdana Menteri yang tiba di sini semalam adalah dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke republik ini. Turki merupakan negara ke-13 menandatangani FTA dengan Malaysia.

Setakat ini, Malaysia telah menandatangani dan melaksanakan enam FTA dua hala dan 6 FTA serantau. Antaranya dengan Jepun (2005), Pakistan (2007), New Zealand (2009), Chile (2010), India (2011) dan Australia (22 Mei 2012).

Untuk produk hiliran seperti majerin cair dan lemak sayuran pula, melalui pemeteraian MT-

FTA itu, Turki tidak menawarkan pengurangan tarif tetapi menawarkan untuk mengekalkan duti import sedia ada.

Dalam pada itu, Turki pula akan menikmati penghapusan duti untuk 70 peratus senarai produk selepas FTA dikuatkuasakan.

Apabila ia direalisasikan dalam tempoh lapan tahun, Malaysia akan menghapuskan duti untuk hampir 86 peratus dalam barangan atau produk tertentu yang diletakkan dalam jadual tarif republik berkenaan.

Produk yang mana duti akan dihapuskan selepas MTFTA dilaksanakan adalah barangan E&E, kimia, tekstil, minyak sawit, jentera, plastik dan produk getah.

Untuk automatif, Malaysia tidak menyatakan komitmen untuk menghapuskan tarif.

"Malaysia turut menolak minuman beralkohol dan tem-

bakau daripada komitmen tarif.

"Mengetahui bayaran balik duti, Malaysia telah bersetuju untuk menilai klausa yang mengkehendaki kedua-dua pihak untuk melihat semula usul bagi melarang bayaran balik duti dua tahun selepas FTA dilaksanakan.

"Bagi cukai eksport pula, Malaysia telah bersetuju dengan komitmen sedia ada seperti tidak memperkenalkan cukai eksport baharu. Sekiranya Malaysia menghapuskan cukai eksport untuk mana-mana FTA, Malaysia juga memberi layanan serupa kepada Turki," menurut MITI.

Dalam kalangan 56 negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Turki merupakan rakan dagang ke-10 terbesar Malaysia, pasaran eksport kelapan paling utama dan sumber import ke-13 terbesar.

Di ASEAN pula, Malaysia adalah rakan dagang ketiga terbesar

Turki. Kuala Lumpur juga merupakan pasaran eksport keempat terbesar Ankara dan sumber import ketiga terbesar anggota NATO itu.

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah membuat pelaburan di Turki iaitu sebanyak AS\$1.5 bilion (RM4.9 bilion) dan daripada jumlah itu, AS\$1.1 bilion (RM3.59 bilion) dilaburkan di dalam bidang penjagaan kesihatan.

Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) pula melabur sebanyak AS\$300 juta (RM980.4 juta) bagi meningkatkan pegangan saham dalam projek lapangan terbang antarabangsa kedua di Istanbul kepada 60 peratus.

Malaysia merupakan negara kelima menandatangani rangka kerja kerjasama strategik dengan Turki selepas China, Afrika Selatan, Jepun dan Indonesia.

-UTUSAN